

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

SOALAN NO. 184

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perkembangan terkini pelaksanaan gaji minimum terbaharu yang mula dilaksanakan pada 1 Januari 2019. Berapakah statistik aduan direkodkan dan tindakan yang dikenakan ke atas majikan yang ingkar terhadap pelaksanaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan pelaksanaan dasar gaji minimum dipatuhi oleh semua majikan di negara ini, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) telah memberikan kuasa kepada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK) untuk menjalankan penguatkuasaan dan penyiasatan berhubung pelaksanaan gaji minimum. Antara aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan tersebut ialah pemeriksaan berkanun, aduan, kes buruh dan pendakwaan.

2. Berdasarkan aktiviti penguatkuasaan yang telah dibuat mulai 1 Januari sehingga 23 Jun 2019 iaitu tempoh pelaksanaan Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018, sebanyak 45 kertas siasatan telah dibuka dan daripada jumlah tersebut 23 kes telah diberi izin dakwa. Daripada 23 kes yang diberi izin dakwa, 14 kes masih dalam tindakan pendakwaan dan 9 kes telah selesai. Jumlah denda yang telah dikenakan bagi semua kes pendakwaan yang telah selesai adalah sebanyak RM13,900.00.

3. Kesimpulannya, Kerajaan melalui JTK sentiasa memantau aspek pematuhan undang-undang gaji minimum. Jika mana-mana pihak pekerja mendapati gaji minimum tidak dipatuhi oleh majikan mereka, adalah disyorkan supaya aduan dibuat di pejabat JTK yang berdekatan.